

BAB 1

PENGENALAN MASALAH

1.1 Pendidikan Islam: Hubungkait Dengan Akhlak dan Disiplin

Kita semua sedar bahawa amalan Pendidikan Islam sudah sekian lama menjadi sebahagian yang sangat penting dalam sistem pendidikan negara. Peranannya dalam memberi sumbangan ke arah pembentukan generasi pelajar yang berilmu, beriman dan berakhlik mulia tidak harus diperlekehkan dan perlu terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Keperluan untuk mengkaji dan mengenalpasti kelebihan dan kelemahan pendekatan Pendidikan Islam kini dan kesannya kepada pembentukan masyarakat yang cemerlang di samping melihat perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan pada masa ini adalah amat mendesak. Oleh itu, amat wajar bagi kita supaya bersikap terbuka dalam menerima perubahan serta menyesuaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan semasa supaya ia benar-benar berkesan dan mencapai matlamat yang diharap-harapkan . Kita tidak seharusnya terikat dengan pendekatan dan kaedah yang diwarisi selama ini jika terbukti wujudnya kaedah lain yang lebih berfungsi dan lebih berkesan (Sulaiman:1993)

Pendidikan Islam itu sendiri sifatnya dinamik, dalam erti kata lain ianya tidak statik. Oleh itu jika guru-guru Pendidikan Islam masih terikat dengan pendekatan lama yang kurang berfungsi, pasti kita tidak mampu mengharungi masa depan yang penuh cabaran khususnya dalam ledakan teknologi maklumat yang serba canggih.

Keperluan penyusunan organisasi kurikulum Pendidikan Islam dalam satu adunan yang seimbang dan lengkap perlu diberikan perhatian dengan mengambil kira bidang utama ilmu seperti ilmu agama (ulumuddin), ilmu kemanusiaan (ulum al-Insaniyah) dan ilmu sains (ulum attabiyah). Oleh itu, satu kajian dan penyusunan semula perlu dilakukan dengan segera di semua sekolah menengah kebangsaan yang membabitkan kurikulum yang lengkap

untuk membolehkan sekolah tersebut memainkan peranan positif dalam membangunkan sumber manusia supaya orientasi penyelarasan dan kesepaduan dapat dijalankan. Usaha-usaha Islamisasi ilmu harus disegerakan merangkumi penyemakan dan penulisan semula semua bahan buku agama dan bukan agama supaya tidak bercanggah dengan paradigma tauhid.

Sementara itu, pendidik muslim pula sama ada yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam atau bukan Pendidikan Islam perlu diorientasikan semula supaya dapat menyerap sepenuhnya falsafah, konsep dan pendekatan paradigma tauhid secara istiqamah dan penuh iltizam. Ini kerana usaha-usaha ke arah membina budaya Islamik di sekolah dengan pemupukan kecintaan yang mendalam terhadap ilmu dan ilmuhan, perhubungan dan interaksi sosial yang harmonis dan penuh adab, disiplin yang cemerlang dan perlaksanaan amalan hidup Islam perlu ditekankan dan diberi perhatian yang serius dari semasa ke semasa.

Menurut Wan Mohd Zahid (1993), pendidikan dan kehidupan berkait secara akrab. Jika pendidikan itu lengkap dan bermutu, maka manusia dapat menjalani kehidupan yang baik dan sejahtera. Sebaliknya jika pendidikan itu pincang, kehidupan manusia menjadi kacau dan gawat. Ini bermakna pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kehidupan manusia sama ada pada masa kini atau masa depan.

Dari segi falsafah, pendidikan ialah proses memanusiakan manusia, iaitu proses memupuk dan meningkatkan kesedaran dalam diri manusia (conscientization) tentang diri dan alam.

Dari segi proses, pendidikan merupakan usaha untuk memupuk dan memperkembangkan seluruh potensi manusia rohani, intelektual, emosi dan jasmani. Perkembangan ketiga-tiga fakulti utama manusia perlu dilakukan secara menyeluruh, seimbang dan sepadu hingga ke tahap kecemerlangan.

Tujuan pendidikan pula adalah bermatlamat untuk melahirkan insan soleh yang beriman dan bertaqwa, berilmu, berakhhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan berbakti.

Intisari pendidikan yang dinyatakan di atas adalah selaras dengan kehendak Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun dari segi sumber ilmu, Pendidikan Islam berasaskan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Di samping itu Allah S.W.T menggalakkan manusia mengkaji fenomena alam semesta agar manusia dapat mengetahui rahsia keagungan Allah S.W.T.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dirasakan amat penting untuk dikemukakan persoalan mengenai keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM. Sepanjang semakan pengkaji setakat ini, belum terdapat sebarang kajian lain tentang keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM di Universiti Malaya, kecuali kajian tentang Pendidikan Islam yang banyak dihasilkan dalam latihan ilmiah yang terdahulu.

Persoalan mengenai akhlak dan disiplin adalah persoalan yang sangat besar kesannya terhadap kehidupan masyarakat Malaysia kini. Persoalan ini sentiasa menjadi bahan perbincangan ilmiah sehingga kepada perbincangan politik semasa dalam tanahair sama ada di media cetak, elektronik, seminar, forum, ceramah dan di pusat-pusat pengajian tinggi.

Kebanyakan negara membangun kini menghadapi ancaman gejala sosial yang semakin membimbangkan. Fenomena negatif yang dahulunya berleluasa di barat sudah menular ke rantau negara-negara sedang membangun. Malaysia tidak terkecuali, malah perangkaan kes yang diperolehi daripada pihak berkuasa menunjukkan keadaan agak kritikal. Perlakuan negatif seperti seks bebas, jenayah juvana, lari dari rumah, lepak, dan penyalahgunaan dadah semakin meningkat dan ketara di kalangan

remaja. Ia hanyalah sebahagian dari gejala yang melanda generasi muda sekarang dan ianya tidak boleh dipandang ringan (Mohamad Hussain:1995).

Menurut Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Suhaimi Ibrahim, remaja lelaki Melayu dikenalpasti sebagai kumpulan paling ramai terlibat dengan kes juvana dari tahun 1991 – hingga Mac 1994. Daripada jumlah keseluruhan, sebanyak 9,505 kes juvana yang dikenal pasti, seramai 5,437 remaja lelaki Melayu ditahan di pusat-pusat pemulihan kerana terlibat dengan kes juvana. Bagi remaja perempuan pula, remaja Melayu adalah yang paling ramai berbanding bangsa lain yang ditahan kerana kes juvana. Seramai 78 remaja perempuan Melayu telah ditahan berhubung dengan kes juvana. Kebanyakan kes juvana melibatkan perlakuan seperti peras ugut, merosakkan harta benda awam, bergaduh dan kegiatan kongsi gelap.

Jadual 1.1: Tangkapan Juvana Mengikut Umur (Sehingga Mac 1994)

Umur	1991	1993	Mac 1994
10 –12 Tahun	99	200	40
13 – 15 Tahun	727	1214	214
16 – 18 Tahun	1066	2188	519
Jumlah	1892	3602	773

Sumber: Berita Harian 3.6.1996

**Jadual 1.2: Bilangan Kes Juvana Mengikut Ras dan Jantina
(1991 – Mac 1994)**

Lelaki Melayu	5,437
Lelaki Cina	1,896
Lelaki India	1,181
Lelaki Bangladesh	866
Jumlah	9,380
Perempuan Melayu	78
Perempuan Cina	11
Perempuan India	23
Perempuan bangsa lain	13
Jumlah	125

Sumber: Utusan Malaysia 3.6.1996

Jadual 1.3: Perangkaan Penglibatan Remaja Dalam Kegiatan Jenayah Sepanjang 1993 – 1995

JENAYAH KEKERASAN	1993	1994	1995
Bunuh	22	11	6
Cuba Bunuh	4	1	1
Rogol	50	66	70
Samun	62	51	58
Mencederakan	112	103	154
JENAYAH HARTA BENDA	1993	1994	1995
Pecah Rumah dan Rumah	539	430	472
Curi Kenderaan	347	325	406
Kecurian-Kecurian Lain	622	605	728

Sumber: Utusan Malaysia 11.3.1997

Jadual 1.4: Perangkaan Tangkapan Remaja Dalam Berdasarkan Tiga Tahun Kajian

TAHUN	PERINGKAT UMUR		
	16 – 18 Tahun	13 – 15 Tahun	10 – 12 Tahun
1993	2189	1214	200
1994	2096	983	168
1995	2592	1329	271

Sumber: Utusan Malaysia 11.3.1997

Jadual 1.5: 10 Jenis Salah Laku Yang Paling Kerap Dilakukan Oleh Pelajar Sekolah Menengah Sepanjang 1995

Ponteng Kelas	2.54%
Ponteng Sekolah	1.91%
Datang Lewat	1.35%
Pakaian Tidak Ikut Peraturan	0.82%
Berambut Panjang	0.77%
Menghisap Rokok	0.73%
Ganggu Pengajaran	0.47%
Tidak Hormat Guru	0.34%
Berkuku Panjang	0.31%
Kasar Dengan Rakan	0.29%

Nota : Bilangan sampel ialah 1,076 969

pelajar sekolah menengah (bilangan keseluruhan pelajar sekolah menengah ialah 1.7 juta)

Sumber: Utusan Malaysia 21.3.1997

Jadual 1.6: 10 Salah Laku Yang Tertinggi Dilakukan Oleh Pelajar

JENIS SALAH LAKU	1993	1994
Ponteng Sekolah	28,005	34,881
Ponteng Kelas	20,408	21,950
Datang Lewat	16,068	18,113
Mengancam Pelajar	9,317	9,745
Menghisap Rokok	7,889	8,957
Berpakaian Tidak Ikut Peraturan	8,263	8,952
Mencuri	7,517	7,377
Mengganggu Pengajaran	6,342	6,300
Berkasar Dengan Pelajar	6,036	5,970
Merosakkan Harta Sekolah	3,673	3,945

Sumber: Berita Harian 12.4.1996

Jadual 1.7: Kes Jenayah Remaja

KES	JUMLAH TANGKAPAN
Bunuh	22
Curi Kenderaan	526
Samun Malam	370
Curi Harta	351
Lain-Lain Curi	318
Lain-Lain Jenayah	315
Dadah	134
Pecah Rumah	131
Rogol, Senjata Api	Kurang
Rompak	100

* Daripada jumlah perangkean 2,831 terdiri daripada remaja lelaki dan 59 perempuan

PERBANDINGAN JUMLAH TANGKAPAN MEMBABITKAN PELAJAR MELAYU			
TAHUN	1994	1995	1996
MELAYU	1862	2402	2890
LAIN BANGSA	1385	1790	1711
Jumlah Tangkapan	3,247	4,192	4,601

Sumber: Berita Harian 26.2.1997

Jadual 1.8: Statistik Kes Melibatkan Remaja

(Gadis Bawah Umur Terlibat Pelacuran/Maksiat)

NEGERI	1994	1995	1996 (JAN-JUN)
KUALA LUMPUR	102	155	104
JOHOR	125	82	30
MELAKA	17	16	9
NEGERI SEMBILAN	10	5	6
SELANGOR	9	5	-
PERAK	7	6	5
KEDAH	-	-	-
PERLIS	-	-	-
PULAU PINANG	6	15	19
KELANTAN	-	-	-
TERENGGANU	-	-	-
PAHANG	22	6	9
SABAH	27	5	14
SARAWAK	-	6	8
JUMLAH	325	301	204

Sumber: Utusan Malaysia 16.9.1996

Selain data-data tentang masalah akhlak dan disiplin remaja sekolah yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa contoh salah laku pelajar dan hubungannya dengan fenomena keluarga dan sekolah yang terkini pernah tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan .

Mengikut laporan akhbar Berita Harian, 30 Jun 1999, polis menahan enam remaja termasuk dua pelajar Sekolah Menengah Kulai Besar (SMKB), Johor Bahru, kerana disyaki terbabit dalam kejadian membakar bilik guru dan bilik percetakan di sekolah itu. Pihak SMKB mengalami kerugian kira-kira RM300,000 selepas bilik guru dan bilik percetakan di blok A di situ musnah dalam kebakaran tersebut.

Di Melaka, dua orang pelajar perempuan berusia 13 tahun cedera di muka apabila sebuah botol plastik mengandungi serbuk kimia meletup diluar perpustakaan Sekolah Menengah Tuan Haji Abdul Malek (STAM), Cheng. Kedua-dua mangsa luka dan melecur dimuka. Pihak sekolah mengesyaki perbuatan itu dilakukan oleh bekas pelajar sekolah itu kerana seorang pekerja sekolah ternampak seorang daripada mereka berada dalam kawasan sekolah sebelum kejadian, (The Star 20.10.1999).

Petaling Jaya, seramai 39 pelajar sekolah termasuk empat pelajar perempuan ditahan polis dalam serbuan di lima buah kafe siber di Jalan SS15/8B, Subang Jaya, dalam usaha membentras gejala ponteng sekolah. Ketua Polis Balai Subang Jaya, Cip Inspektor Ong Chin Yong berkata, semua pelajar terbabit berusia antara 13 hingga 17 tahun. Ketika pemeriksaan dilakukan, semua pelajar terbabit berpakaian seragam sekolah. Selain menjadikan tempat berkumpul ketika ponteng sekolah, pelajar terbabit dipercayai menggunakan kemudahan internet yang ada disitu untuk melayari laman web lucah, selain tempat merokok, (The Star 23.10.1999)

Bertitik tolak daripada masalah inilah, beberapa orang individu pemimpin negara dan tokoh pendidik telah menyuarakan pandangan supaya kurikulum

Pendidikan Islam dirombak, diberi penekanan serius, perlu dinamik, perlu dimartabat, diselaras, dikemaskini dan digubal semula. Antaranya ialah :

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan kurikulum dan pendekatan Pendidikan Islam dirombak semula bagi menimbulkan ketahanan dalaman di kalangan pemuda-pemudi negara untuk menangani gejala sosial yang melanda masyarakat kebelakangan ini,(Utusan Malaysia:28.1.1997).

Menteri Pendidikan Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud berkata bahawa Kurikulum Pendidikan Islam Negara akan digubal dengan segera berikutnya dakwaan bahawa sistem yang sedia ada mempunyai pelbagai kelemahan dan gagal membentuk generasi yang berdisiplin,(Utusan Malaysia 24.1.1995).

Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak mencadangkan satu kajian terperinci dilakukan ke atas cara pengajaran dan pembelajaran, kurikulum, kandungan sukan pelajaran serta buku teks pendidikan agama yang mungkin perlu dikemaskini atau ditukar dari segi kesesuaian dengan keadaan semasa,(Utusan Malaysia 4.10.1995). Selanjutnya beliau juga berkata bahawa Kementerian Pendidikan serta Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) akan mengemaskini kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah untuk melahirkan pelajar berpendidikan dan bermoral, (Berita Harian 23.9.1995).

Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd.Noordin menegaskan bahawa Kementerian Pendidikan benar-benar serius dalam memberikan penekanan terhadap Pendidikan Islam di sekolah-sekolah seluruh negara supaya beberapa pendekatan baru bagi memastikan konsep Pendidikan Islam dihayati sepenuhnya oleh pelajar-pelajar, (Utusan Malaysia 28.8.1995).

Berdasarkan segala permasalahan di atas, penulis merasakan ianya adalah berkait rapat dengan keberkesanannya Kurikulum Pendidikan Islam sekarang dalam melahirkan pelajar Islam yang berakhlik dan berdisiplin.

1.3 Kepentingan Kajian

Berikut adalah beberapa senarai tentang kepentingan hasil kajian ini yang diharapkan oleh pengkaji:

Hasil dari kajian ini diharapkan akan dapat memberi gambaran yang jelas tentang kaedah dan matlamat sebenar perlaksanaan kurikulum Pendidikan Islam dan konsep Pendidikan Islam KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) secara umum.

Kajian ini akan melihat/meneliti sejauhmanakah keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan dapat menangani masalah keruntuhan akhlak dan disiplin pelajar sekolah khususnya di dalam Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

Kajian ini juga diharapkan akan dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan dalam merancang dan menggubal kurikulum khususnya kurikulum Pendidikan Islam agar menepati kehendak sebenar Falsafah Pendidikan Islam dan juga Falsafah Pendidikan Negara ke arah melahirkan insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

Resolusi dari kajian ini akan menyingkap kedudukan sebenar pelajar-pelajar Melayu khususnya yang beragama Islam di mana mereka ini amat jauh ketinggalan dalam menghayati nilai-nilai Islam sebenar, contohnya pelajar-pelajar yang tinggal di bandar-bandar besar. Keprihatinan semua pihak terhadap fenomena ini amat perlu dan mereka harus berganding bahu dalam membawa perubahan ke arah membentuk semula pelajar yang berakhlik mulia dan berdisiplin tinggi.

Hasil dari kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi sedikit sebanyak panduan kepada para guru Pendidikan Islam dalam menghadapi serta mengurus permasalahan akhlak dan disiplin pelajar yang semakin kronik dari sehari ke sehari. Ini kerana para guru bukan sahaja bertanggungjawab menghabiskan sukan pelajaran Pendidikan Islam tetapi juga memainkan peranan penting ke arah mempertingkatkan lagi keilmuan dan kefahaman para pelajar tentang kewajipan mereka untuk menjadi muslim yang berakhlak dan berdisiplin tinggi terhadap Allah S.W.T dan sesama manusia.

Kajian ini juga akan memaparkan bahawa pengajaran Pendidikan Islam adalah seiring dengan perjalanan kehidupan manusia dan masyarakat itu sendiri kerana kurikulum Pendidikan Islam adalah merupakan satu wadah yang sangat penting dan berkait rapat dalam aspek kehidupan khususnya dalam menangani masalah akhlak dan disiplin pelajar.

Kebelakangan ini juga, kita sering mendengar suara-suara pemimpin negara dan tokoh-tokoh agama menyatakan tentang keberkesanan pengajaran agama Islam atau Pendidikan Islam kepada anak-anak Melayu, yang rata-ratanya semakin hari semakin terdedah kepada pelbagai masalah akhlak dan disiplin. Oleh itu, kajian ini diharap akan dapat menyahut seruan pemimpin dan tokoh-tokoh agama ini dalam usaha membantu menjadi penunjuk jalan ke arah membanteras masalah sosial remaja di sekolah.

Selain daripada pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh agama, media massa dan media elektronik telah memainkan peranannya. Dalam pada itu seminar, kursus atau sebagainya telah dianjurkan oleh badan-badan kerajaan dan swasta serta institusi-institusi pengajian tinggi bagi membincangkan masalah yang sama iaitu tentang keruntuhan moral remaja Melayu khususnya pelajar-pelajar Islam di sekolah-sekolah.

Kajian ini juga akan membantu para guru beragama Islam khasnya guru-guru Pendidikan Islam supaya dapat mengambil pendekatan yang lebih Islamik

dalam menangani segala permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Islam.

Akhir sekali, diharapkan dengan teknik didikan dan bimbingan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan, masalah keruntuhan moral, akhlak dan disiplin dapat diatasi dengan berkesan. Hasilan kajian ini dijangka akan menjadi pelopor kepada kajian-kajian yang lebih signifikan dan lebih terperinci tentang persoalan ini pada masa-masa akan datang.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam KBSP (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) dalam menangani masalah akhlak dan disiplin pelajar.

Ianya akan mengkaji sejauhmanakah pengajaran dan pembelajaran sukatan pelajaran Pendidikan Islam yang sekarang ini diajar di peringkat sekolah menengah dapat mempengaruhi tingkahlaku dan sahsiah pelajar terutamanya dalam aspek akhlak dan disiplin. Dengan erti kata lain, kajian cuba melihat sama ada sistem pengajaran sesuai atau tidak dengan situasi sekarang yang lebih mencabar. Selain daripada itu, kajian ini adalah juga untuk :

- Melihat sejauhmanakah kefahaman dan penghayatan pelajar di sekolah menengah kebangsaan tentang aspek-aspek akhlak dan disiplin diri. Adakah mereka telah memahami pengertian akhlak dan disiplin secara menyeluruh;
- Mendapatkan gambaran dari guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam terhadap keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam yang ada sekarang sama ada ianya mampu merubah dan membentuk pelajar menjadi seorang yang berakhlak dan berdisiplin dalam semua perkara.;

- Melihat adakah pelajar-pelajar Islam sekarang mempraktikkan segala apa yang telah dipelajari dari sukanan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dalam kehidupan sehari-hari mereka;
- Menilai kefahaman dan pengamalan pelajar tentang sifat terpuji (mahmudah) dan juga sifat keji (mazmumah) yang merangkumi di kawasan sekolah dan juga di luar waktu belajar;
- Melihat sejauhmanakah para pelajar Islam di peringkat menengah telah membaca buku panduan disiplin yang dibekalkan oleh pihak sekolah dan sejauhmanakah buku tersebut menjadi panduan kepada mereka;
- Membuat kajian tentang tumpuan masa yang diperuntukkan oleh para pelajar dalam mengikuti segala aktiviti yang berkaitan dengan akhlak dan disiplin di luar waktu belajar; dan
- Membentuk garis panduan kepada guru-guru Pendidikan Islam untuk membantu mengatasi masalah akhlak dan disiplin pelajar Islam, dengan mengambil beberapa langkah tertentu supaya pelajar benar-benar menghayati konsep Pendidikan Islam.

Pada akhir bab ini terdapat beberapa rumusan dan cadangan yang membina yang telah dikemukakan oleh pelbagai pihak yang membuat kajian tentang kurikulum Pendidikan Islam supaya diambil pengajaran oleh para pelajar di peringkat sekolah menengah, guru-guru Pendidikan Islam dan semua pihak yang terlibat dalam menggubal sukanan baru Pendidikan Islam.

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah berdasarkan kepada tujuan kajian yang telah dinyatakan. Tahap signifikan kajian ialah P lebih kecil daripada 0.05 ($P < 0.05$).

Penerimaan dan penolakan terhadap hipotesis ini akan menentukan sama ada kajian ini di atas satu keputusan yang kuat untuk membincangkan perkara-perkara dan isu-isu yang berkenaan.

Ada 5 hipotesis yang akan diuji, diantaranya ialah :

Hipotesis I : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kefahaman kurikulum Pendidikan Islam, penghayatan akhlak dan disiplin pelajar dengan faktor jantina, rakan sebaya, pekerjaan ibu bapa dan bilangan adik beradik.

Hipotesis II : Terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman tentang kurikulum Pendidikan Islam, penghayatan akhlak dan disiplin dengan faktor kegemaran, minat terhadap Pendidikan Islam dan tahu menulis jawi.

Hipotesis III : Terdapat hubungan yang signifikan di antara keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam dengan penghayatan akhlak dan disiplin pelajar.

Hipotesis IV : Terdapat perbezaan yang signifikan antara penghayatan guru Pendidikan Islam dan bukan Pendidikan Islam dengan persoalan tentang kurikulum Pendidikan Islam terhadap pembentukan akhlak dan disiplin pelajar.

Hipotesis V : Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor-faktor persekitaran boleh mempengaruhi dalam kehidupan pelajar supaya berakhlak dan berdisiplin.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada beberapa Sekolah Menengah Kebangsaan yang dipilih secara rawak di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Contoh yang akan digunakan ialah pelajar-pelajar tingkatan empat

pelbagai aliran pengajian bagi tahun 1999 dan juga sebilangan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam atau bukan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kajian akan lebih tertumpu kepada beberapa aspek penting sahaja yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Antaranya ialah sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM, falsafah, matlamat, sumber dan asas Pendidikan Islam. Selain dari itu juga, akan disentuh perkara berkaitan dengan konsep dan kepentingan akhlak dan disiplin serta peranan guru Pendidikan Islam.

Untuk kajian ini, pengkaji mengambil 12 buah sekolah menengah di daerah Petaling, Selangor dan menyifatkan sekolah-sekolah ini sebagai mewakili sekolah-sekolah menengah yang lain di Daerah Petaling .

Yang penting dalam kajian yang berbentuk survey ini ialah ‘representativeness’ dan keupayaan untuk membuat ‘generalisation’ berdasarkan sampel yang dipilih secara rawak.

1.7 Definisi Istilah Penting

Dalam kajian ini, beberapa penggunaan istilah penting mengenai tajuk kajian adalah perlu dijelaskan kerana dengan penjelasan ini akan menepati maksud bagi tujuan kajian ini.

1.7.1 Keberkesaan

Bermaksud sejauhmanakah kurikulum atau sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang dipelajari dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 di sekolah menengah yang digubal oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, mampu mendidik dan membimbing pelajar berakhlaq dan berdisiplin, atau keberkesaan tersebut disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran.

1.7.2 Kurikulum

Kurikulum bermaksud segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Ia meliputi sukanan pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran.

1.7.3 Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan kesinambungan daripada program Pendidikan Agama Islam Kurikulum Baru sekolah Rendah (KBSR). KBSR menekankan kemahiran asuhan membaca al-Quran dan Rampaian Pendidikan Islam sebagai fardhu ain kepada setiap individu. Dalam KBSM pula, para pelajar didedahkan dengan Tilawah Al-Quran dan Ulum Syariah. Pendidikan Islam KBSM memberi penekanan dan tumpuan yang sepenuhnya kepada aspek pengukuhan aqidah Islamiah, pemahaman sifat-sifat cara hidup Islam serta asuhan terhadap budi pekerti dan akhlak yang mulia.

1.7.4 Akhlak

Bermaksud, pelajar sekolah menengah yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam selama lima tahun mampu mengamalkan dan menghayati akhlak yang baik dan menjauhi perbuatan yang keji dalam kehidupan seharian mereka menurut pandangan Islam.

1.7.5 Disiplin

Bermaksud, pelajar sekolah menengah yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam selama lima tahun telah menghayati dan mengamalkannya dalam segala tingkahlaku dan perbuatan mereka, segala bentuk peraturan disiplin seperti dalam Buku Disiplin Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.7.6 Pelajar

Pelajar-pelajar terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan yang sedang menuntut di tingkatan empat dalam pelbagai aliran (aliran sains,

sastera, agama, teknik dan vokasional) di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

1.8 Pengolahan Bab

Pengkaji akan membahagikan tajuk kajian ini kepada lima bab.

Bab 1: Pengenalan masalah kajian yang berkaitan dengan tajuk, kepentingan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, batasan kajian dan definisi istilah penting.

Bab 2: Tinjauan hasil kajian yang berkaitan, termasuk tujuan Pendidikan Islam KBSM, falsafah, sumber, konsep asas akhlak dan disiplin, kepentingan akhlak dan disiplin, sebab-sebab, peranan guru, faktor-faktor yang mempengaruhi dan usaha pencegahan.

Bab 3: Metodologi kajian iaitu reka bentuk, lokasi, responden, percubaan (pilot testing), persampelan, alat kajian, pengumpulan data, model kajian dan kaedah analisis data.

Bab 4: Analisis data dan dapatan, analisis soalan soal selidik pelajar dan guru, keberkesanan kurikulum, kefahaman responden tentang konsep akhlak dan disiplin, faktor-faktor pembantu yang mempengaruhi kehidupan, pandangan guru Pendidikan Islam dan bukan Pendidikan Islam terhadap masalah akhlak dan disiplin pelajar.

Bab 5: Perbincangan, Rumusan dan Cadangan.

Penutup

Bibliografi

Lampiran